**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent on:** Monday, 27 June, 2022 2:25:04 PM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** UUM Sertai Pameran Kovensyen Keusahawanan Teknikal Wanita (WTC) 2022

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 JUN 2022 / 27 ZULKAEDAH 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

Oleh: Mohd Afnan Abdul Khoni
Gambar oleh: ICC

**UUM SERTAI PAMERAN KOVENSYEN KEUSAHAWANAN TEKNIKAL WANITA (WTC) 2022**




**UUM ONLINE:** Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah menerima jemputan daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk menyertai pemeran inovasi khusus untuk wanita di Kovensyen Keusahawanan Teknikal Wanita (WTC) 2022 sempena Minggu TVET Negara 2022, baru-baru ini.

Konvensyen bertemakan ‘Usahawan Teknikal Wanita: Penjana Kemakmuran’ itu menjadi wadah kepada golongan wanita untuk mempelajari dan mendalami bidang keusahawanan teknikal daripada pakar dalam bidang tersebut.

Konvensyen yang berlangsung selama dua hari itu telah menghimpunkan wanita daripada pelbagai latar belakang untuk mempelajari keusahawanan teknikal.

Antara pengisian program WTC 2022 lain adalah bengkel latihan keusahawanan *Women* DNA bersama INSKEN, tata rias diri *Women of Wisdom* bersama i-LEAD, forum meja bulat, ekspo pameran keusahawanan dan inovasi serta karnival serta aktiviti keusahawanan.

UUM melalui ICC telah membawa produk inovasi Dyslexia yang dihasilkan oleh Prof. Dr. Zulikha Jamaludin dan Prof. Madya Dr. Husniza Husni. Produk inovasi ini merupakan *output* penyelidikan geran Kementerian Pengajian Tinggi seperti geran FRGS dan ERGS.

“Setelah dua (2) tahun kita ‘bercuti’ kerana pandemik Covid-19, saya teruja untuk menyertai pameran inovasi yang diadakan oleh UTeM ini walaupun pameran ini diadakan lanjutan daripada WTC 2022.

“Ini seperti ‘*warming up’* untuk penyelidik seperti saya untuk menyertai pameran inovasi bagi tahun 2022,” kata Husniza.

WTC 2022 menutup tirainya dengan perasmian penutupan yang disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad yang turut meluangkan masa mengunjungi reruai ICC.




Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.